

D108

B B514 AAB

MAHATHIR - GENCATAN R R R

9

(1)

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2230, HARI INI)

85

KUALA LUMPUR, 10 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN KUASA-KUASA BESAR SUPAYA TIDAK MENGENEPIKAN SUARA NEGARA-NEGARA KECIL KETIKA BERUNDING MENGENAI KESELAMATAN DUNIA.

+ PERLU DIINGATI BAHAWA KESELAMATAN DUNIA ATAU MANA-MANA BENUA BUKAN SAHAJA BERKAIT DENGAN KUASA-KUASA BESAR. NEGARA-NEGARA KECIL YANG TERBABIT JUGA MEMPUNYAI PERANAN UNTUK DIMAINKAN, + KATA PERDANA MENTERI.

NEGARA-NEGARA KECIL HENDAKLAH DIBENAR MENYUARAKAN FIKIRAN DAN IDEA SUPAYA KESELAMATAN YANG DITETAPKAN OLEH KUASA-KUASA BESAR TIDAK MENGORBANKAN NEGARA-NEGARA KECIL; KATANYA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN PERDANA MENTERI ROMANIA ENCIK CONSTANTIN DASCALESCU DI SRI PERDANA DI SINI MALAM INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA TURUT MERASAI KEBIMBANGAN ROMANIA TERHADAP PENINGKATAN SENJATA DI EROPAH KERANA IA PERCAYA BAHAWA KEADAAN TIDAK STABIL DI BENUA ITU JUGA MEMPUNYAI IMPLIKASI POLITIK YANG LUAS. -- LAGI .

2148MST 10 05 85

MAHATHIR - GENCATAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

(I)

+JUMLAH WANG DAN SUMBER YANG BESAR YANG DIPERUNTUKKAN BAGI KEMAJUAN KEDUA-DUA JENIS SENJATA, NUKLEAR DAN YANG KONVENSIONAL, BOLEH DIGUNAKAN UNTUK KEBAIKAN KEMANUSIAAN, + KATANYA.

MENURUTNYA, SEMUA NEGARA PERLU MEMBAHARUI PERSETUJUAN MEREKA UNTUK MENGADAKAN PROGRAM GENCATAN SENJATA SECARA UMUM DAN MENYELURUH.

DALAM HUBUNGAN ITU, BELIAU BERHARAP RUNDINGAN YANG SEDANG BERLANGSUNG ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN SOVIET UNION DI GENEVA AKAN MENGHASILKAN SATU PERJANJIAN YANG AKAN MENCEGAH PERLUMBAAN SENJATA.

BELIAU JUGA BERHARAP PERSIDANGAN MENGENAI LANGKAH-LANGKAH PEMBINAAN KEYAKINAN DAN KESELAMATAN SERTA GENCATAN SENJATA DI EROPAH YANG DIADAKAN DI STOCKHOLM DAN TURUT MEMBABITKAN ROMANIA, AKAN MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PENGUKUHAN KESELAMATAN EROPAH.

MENGENAI MASALAH KAMPUCHEA, BELIAU BERKATA IA MELAMBATKAN LANGKAH MEWUJUDKAN ZON AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN) YANG DIUSAHAKAN OLEH. -- LAGI.

2212MST 10 05 85

MAHATHIR - GENCATAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

(I)

BELIAU MENGULANGI BAHAWA PENDUDUKAN OLEH TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA MERUPAKAN PERLANGGARAN KEDAULATAN DAN KEUTUHAN WILAYAH NEGARA ITU. IA JUGA SAMA DENGAN PENYERANGAN MASUK KE WILAYAH THAI OLEH VIETNAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ASEAN MENGHARGAI SOKONGAN ROMANIA KEPADA KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA DAN SOKONGAN ITU MENGUATKAN USAHA ASEAN UNTUK MENDAPATKAN PENYELESAIAN POLITIK BAGI MASALAH ITU.

PERDANA MENTERI JUGA BERCAKAP MENGENAI PEPERANGAN IRAN DAN IRAQ DAN MENYIFATKAN PENINGKATAN PEPERANGAN SEBAGAI BERBAHAYA DAN MUNGKIN MEMBABITKAN NEGARA-NEGARA ASING.

MENURUTNYA, MALAYSIA DAN JAWATANKUASA KEAMANAN NEGARA-NEGARA ISLAM AKAN MENERUSKAN USAHA MERUNDINGKAN PENYELESAIAN KEPADA PEPERANGAN ITU.

MENGENAI MASALAH PALESTIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI SOKONGAN MALAYSIA KEPADA PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN UNTUK MENENTUKAN CORAK MASA DEPAN UNTUK MENDAPATKAN HAK MENUBUHKAN NEGARA SENDIRI. -- LAGI.

2212MST 10 05 85

B 8518 AAB

MAHATHIR - GENCATAN 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

(I)

MENGENAI ISU ANTARTIKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK BERHASRAT MENGEKSPLOITASI SUMBER BENUA ITU ATAU UNTUK MENJADIKANNYA SEBAGAI ISU POLITIK.

+TETAPI SALAH BAGI BEBERAPA NEGARA MEMBUAT TUNTUTAN KE ATAS BENUA YANG LUAS INI DENGAN MENEPEIKAN NEGARA LAIN,+ TEGASNYA SAMBIL MENYATAKAN IA SEHARUSNYA MENJADI HAK MANUSIA SEJAGAT.

MENGENAI PERKUMPULAN RANTAUAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA YAKIN KERJASAMA SERANTAU TIDAK SAHAJA AKAN MENGUKUHKAN KETAHANAN NASIONAL DAN SERANTAU TETAPI JUGA MEMBERI SUMBANGAN KE ARAH PERSEFAHMAN ANTARABANGSA.

YANG DEMIKIAN, KATANYA, USAHA ROMANIA KE ARAH MEMAJUKAN KERJASAMA DAN HUBUNGAN PERSAHABATAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA BALKANS, PERLU DIBERI SOKONGAN SEPENUHNYA OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA.

MENGENAI KEADAAN EKONOMI DUNIA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA SEPERTI JUGA ROMANIA, MALAYSIA MEMANDANG BERAT TERHADAP KEADAAN EKONOMI DUNIA SEKARANG. -- LAGI.

2221MST 10 05 85

MAHATHIR - GENCATAN 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

(I)

BELIAU MENKRITIK NEGARA-NEGARA MAJU KERANA KURANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH EKONOMI DUNIA DENGAN MEMBIARKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENGHADAPI KADAR FAEDAH YANG TINGGI, TAHAP HUTANG ASING YANG TINGGI DAN PENERUSAN ARAH ALIRAN KE ARAH DASAR PERLINDUNGAN.

SIDANG KEMUNCAK DI BONN BARU-BARU INI TIDAK MEMBUAH APA-APA

HASIL YANG BOLEH MENYUMBANGKAN KE ARAH PEMULIHAN EKONOMI DUNIA,
KATANYA.

DALAM MENGHADAPI PERKARA ITU DAN DARIPADA HASIL DAILOG
UTARA-SELATAN YANG MENGECEWAKAN, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN PERLU
MENGALAKKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN SAMBIL SETIAP NEGARA
BERKENAAN MENGENAKAN LANGKAH YANG LEBIH KETAT UNTUK MENSTABIL KEADAAN
EKONOMI DALAM NEGARA MASING-MASING.

MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA
KEDUA-DUA BUAH NEGARA PERLU Mencari JALAN DAN CARA UNTUK MENDEDAHKAN
SEKTOR-SEKTOR EKONOMI MEREKA DALAM MENGALAKKAN KERJASAMA PERDAGANGAN
DAN EKONOMI. -- LAGI.

2225MST 10 05 85

MAHATHIR - GENCATAN 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO) R R R

(1)

MENURUTNYA, PENINGKATAN PERTUKARAN ROMBONGAN PERDAGANGAN DAN
PENGANJURAN SEMINAR AKAN MENYUMBANGKAN KE ARAH KESEDARAN YANG LEBIH
MELUAS KEPADA KELUARAN BARANG-BARANG DAN TEKNOLOGI SERTA KEUPAYAAN
MASING-MASING.

WALAU PUN SUDAH ADA KERJASAMA BERMAKNA DI PERINGKAT KERAJAAN
DENGAN KERAJAAN, BELIAU BERKATA, GOLONGAN USAHAWAN DI ROMANIA
HENDAKLAH MEREKUT PELUANG YANG DITAWARKAN OLEH SEKTOR SWASTA DI
MALAYSIA DALAM BIDANG-BIDANG PERDAGANGAN DAN PELABURAN USAHASAMA.

BELIAU JUGA MENYENTUH PENDUDUKAN TENTERA ASING DI AFGHANISTAN
DAN MENGULANGI SOKONGAN MALAYSIA SUPAYA BANGSA-BANGSA BERSATU
MENCARI PENYELESAIAN POLITIK KEPADA MASALAH ITU. -- BERNAMA.

2228MST 10 05 85